

11 JAN 1998

Pemuda-ekonomi

MESYUARAT KHAS EXCO PEMUDA BINCANG MASALAH EKONOMI

JOHOR BAHRU, 11 Jan (Bernama) -- Exco Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan mesyuarat khas Selasa ini bagi membincangkan masalah kemelesetan ekonomi negara.

Ketuanya Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata pergerakan itu juga akan mengadakan perjumpaan dengan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Tun Daim Zainuddin untuk mengemukakan beberapa cadangan bagi mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara pada masa ini.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas majlis tahlil Pemuda Umno Johor di sini malam tadi. Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Ahmad Zahid juga berkata Pemuda Barisan Nasional akan melancarkan kempen menangani masalah kenaikan harga barangan dan membeli barangan buatan Malaysia.

Tarikhnya akan ditetapkan selepas pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau meminta semua anggota persatuan belia dan pertubuhan bukan kerajaan serta pemuda parti pembangkang bekerjasama dengan Pemuda BN untuk menjayakan kempen itu.

Mohamed yang juga Setiausaha Agung BN berkata Pemuda BN mempunyai peranan penting untuk mewujudkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan terutama ketika negara dilanda kegawatan ekonomi. -- BERNAMA

MKO MAI